



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN  
PERIKANAN MALAYSIA**  
**BERITA PERIKANAN HARI INI**

**26 November 2021**  
**21 Rabiulakhir 1443H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none"><li>• 6,000 nelayan tolak projek tambak laut Pulau Pinang</li><li>• Leka bermain ikan di santuari Sungai Sat</li></ul>
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pukat tunda dari Kedah, Thailand jejas nelayan pesisir pantai</li><li>• Pen Mutiara bantah ambil alih tanah</li></ul>
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none"><li>• 85 kes penyu mati di Pahang dalam tempoh 15 tahun</li></ul>
The Star	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none"><li>• Fishermen group stands by decision</li></ul>
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Harakah	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Malaysiakini	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Bernama	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Borneo Post (Kuching)	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Sabah Media	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI Sabah Media		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL	"	26/11/2021

## um mls ll 26/11/2021

## 6,000 nelayan tolak projek tambak laut Pulau Pinang



NELAYAN Pulau Pinang melaungkan bantahan terhadap projek tambak laut selepas mesyuarat agung Pen Mutiara di Batu Maung, Pulau Pinang hari ini.

**GEORGETOWN:** Kira-kira 6,000 nelayan di negeri ini sebulat suara menolak sebarang projek tambak laut termasuk rancangan tambakan di perairan selatan (PSR) dan di Bagan Ajam, Butterworth dekat sini.

Keputusan itu dicapai dalam Mesyuarat Agung Ke-36 Persatuan Nelayan Negeri Pulau Pinang (Pen Mutiara) semalam atas alasan, projek tersebut bakal menjelaskan mata pencarian mereka.

Pengerusi Pen Mutiara, Mahadi Md. Rodzi berkata, keputusan itu bermakna mana-mana nelayan yang kononnya menyokong projek tambak laut bukan mewakili suara atau pendirian rasmi komuniti nelayan Pulau Pinang.

“Resolusi menerusi mesyuarat agung ini adalah jelas merupakan suara akar umbi khususnya nelayan di peringkat kawasan

yang bakal terjejas secara langsung dengan rancangan projek tambakan laut,” katanya dalam sidang akhbar selepas mesyuarat agung itu di sini semalam.

Ketika ini, terdapat dua projek tambak laut yang dirancang Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu PSR membabitkan projek pembangunan tiga pulau buatan berkeluasan 1,700 hektar di perairan Permatang Damar Laut dan tambakan laut dari Bagan Ajam ke Telok Air Tawar seluas 407 hektar dalam daerah Seberang Perai Utara (SPU).

Dalam perkembangan lain, Mahadi berkata, mesyuarat agung Pen Mutiara turut meluluskan resolusi membantah rancangan pembangunan jeti pendaratan tuna di Batu Maung sekiranya melibatkan pengambilahan tanah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) untuk kegunaan nelayan.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO !	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		32 26/11/2021

32

UTUSAN MALAYSIA  
JUMAAT • 26 NOVEMBER 2021

## Dalam Negeri

# Leka bermain ikan di santuari Sungai Sat

UM MIS 32 26/11/2021

Oleh HARIS FADILAH AHMAD  
utusannews@mediamulia.com.my

**JERANTUT:** Santuari ikan liar di muara Sungai Sat antara tarikan ramai pengunjung sejak gelembung pelancongan dibuka di Taman Negara Kuala Tahan dan perkampungan Melayu pesisir Sungai Tembeling, mukim Hulu Tembeling di sini.

Bagi mereka yang belum pernah ke situ, bermain dan memegang ikan liar di kawasan santuari tersebut begitu mengujakan malah cukup terhibur khususnya dalam kalangan kanak-kanak.

Pengunjung hanya perlu membeli makanan ikan yang disediakan oleh penjaga santuari di situ dan kemudiannya turun ke dalam anak Sungai Sat yang ceteck lalu memberikan makanan dan dalam tempoh beberapa saat sahaja banyak ikan liar mula berkermunculan berdekatkan kakitangan pengunjung.

Ketika ikan liar itu asyik berserbut makanan dan bertukar menjadi jinak, pengunjung boleh menangkap dan bermain serta melepaskan semula ke air berdasarkan peraturan di kawasan santuari tersebut.

Bercakap kepada *Utusan Ma-*



**BEBERAPA** pengunjung memberikan makanan sambil bermain dengan spesies ikan liar di santuari MyKomuniti Perikanan (MyKP) di muara Sungai Sat, Kampung Kuala Sat di Jerantut, Pahang. - UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

laysia, Pengurus Jawatankuasa Kemajuan Kemakmuran Kuala Sat, Abdul Jabar Dollai berkata, penggiat dan pengusaha ekopelancongan di situ bertuhuah kerana Jabatan Perikanan negeri mewujudkan santuari ikan liar semata-mata bagi tarikan pengunjung sejak beberapa tahun

lalu.

“Menerusi Program MyKomuniti Perikanan (MyKP) di bawah penyeliaan Jabatan Perikanan Pahang, lebih 100,000 ekor ikan dilepas dan dipulihara sejak beberapa tahun lalu dan penduduk di sini diamanahkan menjaga bagi tujuan pembina-

kan spesies air tawar khususnya manfaat bagi tujuan ekopelancongan.

“Semasa penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak tahun lalu dan musim banjir pada penghujung tahun, santuari ini ditutup semestinya dan bermula bukan lalu

dibuka semula berdasarkan kebenaran pihak berkuasa,” katanya di Kampung Kuala Sat, Hulu Tembeling dekat sini semalam.

Abdul Jabar berkata, antara spesies yang dilepaskan dan dipulihara dalam santuari MyKP ialah ikan lampam yang agak jinak dan boleh dipegang, tetapi ikan kerai, tengalan, ikan kelah agak liar dan sukar ‘disentuh’ cuma boleh bermain apabila diberikan makanan oleh pengunjung.

Sorang peniaga dari Puchong, Selangor, Arman Abdullah, 45, berkata, mengambil kesempatan gelembung pelancongan dibuka sejak bulan lalu, dia memilih kampung tradisional Melayu Kuala Sat, Hulu Tembeling untuk membawa keluarga bersiar dan bercuti bersama.

“Sampai ke kampung ini, saya dan keluarga terus ke santuari ikan liar MyKP kerana keinginan anak-anak untuk bermain dengan spesies tersebut.

“Nyata tidak menghamparkan, kami sekeluarga berendam dalam air hampir sejam bermain dengan ikan liar serta mandi-manda dan berkelah sambil menikmati makmumat kampung di tepi anak Sungai Sat,” ujarnya.

**JENIS AKHBAR**

<b>UTUSAN MALAYSIA</b>	<b>KOSMO I</b>	<b>THE STAR</b>	<b>NANYANG SIANG PAU</b>	<b>MUKA SURAT</b>	<b>TARIKH</b>
<b>BERITA HARIAN</b>	<input checked="" type="checkbox"/> <b>SINAR HARIAN</b>	<b>THE SUN</b>	<b>ORIENTAL DAILY</b>		
<b>HARIAN METRO</b>		<b>NEW STRAITS TIMES</b>	<b>THE MALAY MAIL</b>	<b>PELBAGAI</b>	
<b>KATEGORI LIPUTAN:</b>	<b>POSITIF</b>	<b>NEGATIF</b>	<b>NEUTRAL</b>		2a 26/11/2021

BH MS 20 26/11/2021

## Pukat tunda dari Kedah, Thailand jejas nelayan pesisir pantai

**Kangar:** Pencerobohan nelayan pukat tunda dari Kedah dan Thailand yang menangkap siput 'retak seribu' di sekitar perairan Kuala Perlis didakwa menjasakan pendapatan nelayan pesisir pantai di negeri ini.

Ahli Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Negeri Perlis, Jasni Hashim berkata, ia menyebabkan nelayan pesisir pantai, terutama di Kuala Perlis kini terpaksa menanggung kerugian akibat ekosistem hasil laut di kawasan itu terjejas.

"Seperti yang diketahui permit menangkap siput, terutama spesis siput retak seribu tidak pernah dikeluarkan Jabatan Perikanan Negeri Perlis kerana aktiviti itu banyak merosakkan ekosistem hasil laut di negeri ini.

"Bayangkan mereka yang kebanyakannya guna bot besar datang dari Kedah, terutama Kerpan, Sanglang dan Langkawi ke perairan Kuala Perlis, terutama pada waktu malam menangkap + siput.

"Itu belum lagi pencerobohan oleh nelayan Thailand yang guna sangkar sehingga habis rosak benih ikan di kawasan berkenaan," katanya.

Bercakap pada sidang media di Pejabat PELARIS di sini semalam, beliau berkata, walau pun sudah beberapa kali diadukan kepada Jabatan Perikanan Negeri Perlis, tiada tindakan susulan serta efektif diambil dalam menangani masalah berkenaan.

"Aktiviti ini sebenarnya sudah bermula sejak 70-an lagi, namun pencerobohan dilihat semakin kerap bermula April lalu, 90 peratus nelayan pesisir di Perlis sememangnya menolak pemberian lesen untuk menangkap siput ini kerana ia banyak membunuh ekosistem hasil laut lain.

"Malah, ia menyebabkan pendapatan nelayan terjejas sehingga 80 peratus. Kalau dulu bolehlah hasil tangkapan melebihi RM50 hingga RM100, kini pendapatan hanya sekitar RM15 hingga RM20.

"Mujur Agensi Pengurusan Maritim Malaysia Zon Maritim Kuala Perlis peka dengan permasalahan ini dan sering melakukan rondaan dan pembanterasan aktiviti menangkap siput di negeri ini," katanya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Perlis, Nor Azam Karap, berkata pihaknya akan memanjangkan isu itu kepada kerajaan negeri dan diharap pihak berwajib seperti Jabatan Perikanan Negeri Perlis mengambil tindakan sewajarnya.

**JENIS AKHBAR**

<b>UTUSAN MALAYSIA</b>		<b>KOSMO !</b>		<b>THE STAR</b>		<b>NANYANG SIANG PAU</b>		<b>MUKA SURAT</b>	<b>TARIKH</b>
<b>BERITA HARIAN</b>	✓	<b>SINAR HARIAN</b>		<b>THE SUN</b>		<b>ORIENTAL DAILY</b>			
<b>HARIAN METRO</b>		<b>NEW STRAITS TIMES</b>		<b>THE MALAY MAIL</b>		<b>PELBAGAI</b> <i>Sabah Media</i>			
<b>KATEGORI LIPUTAN:</b>	<b>POSITIF</b>			<b>NEGATIF</b>		<b>NEUTRAL</b>		<b>20</b>	<b>26/11/2021</b>

Projek pendaratan tuna

BH M/S 20 26/11/2021

# Pen Mutiara bantah ambil alih tanah

**Georgetown:** Persatuan Nelayan Pulau Pinang (Pen Mutiara) membantah tindakan pengambilan tanah seluas 2.83 hektar yang diusahakan mereka di Batu Maung di sini bagi projek pendaratan tuna.

Bantahan itu susulan terdapat perbincangan bagi mengambil alih tanah milik Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) berkenaan oleh sebuah syarikat swasta.

Pengerusi Pen Mutiara, Mahadi Md Rodzi, berkata usaha pengambilan tanah itu sudah bermula sejak 2018, namun

kini lebih agresif apabila menggunakan kuasa pihak tertentu dalam merealisasikan projek terbabit.

"Bantahan dibuat susulan projek seakan sama dilaksanakan pada 2006 membabitkan pengambilan tanah 8.9 hektar milik LKIM, namun ia terbengkalai dan tanah agensi itu tergadai.

"Kita tidak mahu kejadian sama berulang dan bersedia berdepan sebarang kemungkinan jika ada pihak cuba menjaskan kebijakan nelayan di negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan mesyuarat agung tahunan (AGM) Pen Mutiara, di Batu Maung, di sini, semalam.

Pada pertemuan itu, pihak pengurusan Pen Mutiara bersama perwakilan unit nelayan turut mengadakan bantahan aman membabitkan beberapa isu, termasuk bantahan projek tambakan laut di Pulau Pinang.

Mahadi berkata, nelayan Pulau Pinang tidak membantah pendaratan tuna berkenaan, tetapi tidak bersetuju dengan pengambilan kompleks LKIM

bagi projek itu.

"Susulan itu kami sudah menghantar surat bantah projek terbabit kepada Menteri Pertanian pada 1 November lalu. Menerusi perbincangan hari ini (semalam), kami akan bawa suara akar umbi nelayan negeri kepada pihak kementerian bagi membuktikan bantahan itu bukan saja daripada pihak pengurusan nelayan," katanya.

Tanah seluas 2.83 hektar milik LKIM itu terdiri daripada Restoran Pen Mutiara, pejabat hotel serta pelabuhan pendaran ikan pukat tunda.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	✓	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI <i>Sabah Media</i>		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL	26	26/11/2021

**85 kes penyu mati di Pahang  
dalam tempoh 15 tahun**

SH MK 26 26/11/2021

**KUANTAN** - Sebanyak 85 kes penyu jenis agar dan lipas mati direkodkan oleh Jabatan Perikanan Pahang bagi tempoh dari tahun 2007 hingga Oktober tahun ini.

Pengarahnya, Abdullah Jaafar berkata, kematian reptilia itu dijumpai di beberapa daerah yang terkenal dengan kawasan pesisir pantai luas seperti Kuantan, Pekan dan Rompin.

"Tahun lalu, tujuh kematian penyu agar direkodkan membabitkan enam di Kuantan dan satu di Pekan. Pada tahun ini, lima kematian penyu agar direkodkan akibat tersangkut pukat dan terkena kipas bot nelayan. Bangkai reptilia berkenaan ditemui penduduk setempat di pesisir pantai selepas beberapa hari.

"Saya difahamkan an-

Abdullah (dua dari kiri)  
melepaskan anak penyu di Cherating pada Khamis.



tara faktor lain menyebabkan kematian penyu adalah disebabkan termakan plastik di laut," katanya dalam Program Kesedaran Awam Terhadap Kepentingan Pemuliharaan Sumber Marin Pahang 2021 di Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Cherating pada Khamis.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !	THE STAR	NANYANG SIANG PAU					
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY					
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	✓ THE MALAY MAIL	PELBAGAI Sabah Media					
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		9	26/11/2021

FRIDAY, NOVEMBER 26, 2021 • NewStraitsTimes

Nation / NEWS

9

6,000 FISHERMEN AFFECTED

NST MIS 9  
26/11/2021

# FISHERMEN GROUP STANDS BY DECISION

The association rejects the Penang South Reclamation project and the one in Bagan Ajam

AUDREY DERMawan  
GEORGE TOWN  
audreymd@NST.com.my



Mahadi Md Rodzi

THE Penang Fishermen's Association (Pen Mutiara) has reaffirmed its earlier decision to reject all reclamation projects in the state.

Two massive reclamation projects currently on the cards are the 1,800ha Penang South Reclamation (PSR) project and the RM2 billion reclamation project in Bagan Ajam, Seberang Prai Utara.

Its chairman Mahadi Md Rodzi said all 101 delegates present at its annual general meeting yes-

terday, representing about 6,000 fishermen statewide, were united in rejecting any reclamation projects in the state.

"Prior to this, there are certain quarters who claimed that the association is 'threatening' and cheating the fishermen."

"But the presence of every delegate in today's (yesterday) AGM is proof that we are united in rejecting all reclamation projects in the state."

"Such projects will seriously affect the livelihood of the fisher-



Members of Penang Fishermen's Association displaying banners voicing their protest against all reclamation projects in the state during the association's 36th AGM at the Pen Mutiara Restaurant and Hotel in Batu Maung, Penang, yesterday. PIC BY MIKAIL ONG

men as well as other repercussions," he told newsmen after Pen Mutiara's 36th AGM at the Pen Mutiara Restaurant and Hotel here.

After the AGM, all those present held up placards to show their objections against the reclamation projects.

The PSR, now known as the Penang South Island project, covering 17sq km involves the development of three man-made islands covering an area of 1,800ha in the waters off Permatang Damar Laut near Bayan Lepas.

It was introduced as a funding module of the Penang Transport Master Plan worth about RM46 billion.

Meanwhile, it was reported that

the coastal landscape in north Butterworth, between the North Butterworth Container Terminal and Jalan Tunku Putra, Teluk Air Tawar, is set to change with the construction of a new waterfront within the next few years.

This followed a supplementary agreement inked between the Penang government and Rayston Consortium (Butterworth) Sdn Bhd to reclaim 650ha of the land there.

The signing would push Rayston to start the long-delayed reclamation work since the first agreement was signed in 1999.

In an unrelated development, Mahadi said the AGM also approved another motion to object a proposal by a private company

to take over the 2.8ha of the Fisheries Development Authority Malaysia jetty and its adjoining land in Batu Maung.

He said the proposal by a private company to take over the land was for a mixed development project on the pretext of upgrading and managing the tuna landing port.

"We are not against the jetty being used as a tuna landing port, but we are against the land being taken over by the private company for a development project that has nothing to do with the tuna landing port."

"We have sent a letter to the Agriculture and Food Industries Ministry to voice our opposition towards the proposal," he said.